

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : SETEMPAT

**Kuala Lumpur:** Dilengkapi 100 katil, bilik pembedahan, X-ray dan bilik kecemasan. Kemudahan itu menjadikan Hospital Medan ARPA Malaysia sebagai hospital paling canggih dan lengkap di sempadan Bangladesh kelak.

Hospital Medan ARPA akan disediakan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan (KKM) dalam usaha membantu pelarian Rohingya di sempadan Bangladesh, bulan ini.

Hospital medan tahap kedua itu berukuran sebesar padang bola sepak itu mampu menandingi dua hospital medan sedia ada kelolaan Norwegian Red Cross dan Bangladesh Red Crescent.

Panglima ATM Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor berkata, ini kali pertama aset ketenteraan yang biasa digunakan di zon konflik dipinjamkan kepada kakitangan awam iaitu KKM.

"ATM bertungkus-lumus menyediakan hospital me-



*HOSPITAL Medan ARPA bagi misi bantuan kemanusiaan pelarian Rohingnya ke Chittagong, Bangladesh di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Wangsa Maju.*

dan ARPA lengkap dengan semua peralatan perubatan dan aset sokongan termasuk kemudahan membuat pembedahan bagi kegunaan KKM menyertai Misi Bantuan Kemanusiaan Rohingya selaras

dengan hasrat kerajaan.

"Selain itu, 140 doktor pakar, pegawai perubatan serta staf sokongan KKM dan perubatan bukan kerajaan menerima latihan daripada enam doktor pakar dan 40

anggota perubatan ATM bagi menghadapi situasi sebenar operasi hospital medan di Bangladesh," katanya selepas melakukan tinjauan persiapan Hospital Medan ARPA bagi Misi Bantuan Kemanu-



siaan Pelarian Rohingnya ke Chittagong, Bangladesh selain berjumpa dengan pasukan Hospital Medan Malaysia di Hospital Tentera Tuanku Mizan, semalam.

Menurutnya, selain 140 kakitangan KKM dan NGO, 10 anggota ATM yang pakar dalam hospital medan ARPA ke Bangladesh bagi kerja pemasangan hospital medan terbabit sebelum diserahkan sepenuhnya kepada KKM.

### HOSPITAL MEDAN ARPA, BANGLADESH

**Keluasan:** Seluas padang bola sepak  
**Kapasiti:** 100-150 pesakit dalam satu masa

**Kemudahan:** Ruang pembedahan, unit pediatrik, unit kecemasan, unit x-ray, makmal, unit bius, unit obstetrik dan ginekologi

**AKHBAR : KOSMO**  
**MUKA SURAT : 13**  
**RUANGAN : NEGARA**

Dipercayai keracunan makanan selepas makan juadah dibeli di pasar malam

# Doktor muda HSNZ ditemui mati

Oleh KAMARIAH KHALIDI

**KUALA TERENGGANU** - Seorang pegawai perubatan yang bertugas di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu ditemui mati dalam bilik rumah sewanya di Kampung Nyiur Sepohon di sini kelmarin.

Mayat Mohd. Muaz Mohd. Sabri, 30, ditemui kira-kira pukul 10.40 malam dalam keadaan terbaring di atas katil selepas anak pemilik rumah sewa berkenaan berjaya membuka pintu bilik tersebut.

Mangsa dipercayai telah meninggal dunia sejak beberapa hari yang lalu.

Menurut anak pemilik rumah berkenaan, Hakim Mat Lazim, 32, dia dimaklumkan bahawa mangsa mengalami keracunan

makanan selepas memakan juadah yang dibeli di sebuah pasar malam di Kuala Ibai.

Katanya, pasar malam berkenaan dibuka setiap hari Rabu pada waktu malam.

"Saya difahamkan tunang mangsa yang turut bertugas sebagai seorang pegawai perubatan di HSNZ terpaksa ditahan beberapa hari di wad untuk rawatan kerana turut mengalami keracunan makanan.

"Bagaimanapun, arwah yang enggan ke hospital untuk mendapatkan rawatan mengambil keputusan untuk berehat di bilik sewanya sahaja," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Idris Abd. Rafar ketika dihubungi mengesahkan kejadian tersebut.

Katanya, pihak polis masih



RUMAH sewa lokasi mangsa ditemui mati.



DERETAN gerai jualan makanan di Pasar Malam Kuala Ibai iaitu lokasi seorang pegawai perubatan HSNZ dipercayai membeli makanan sebelum mengalami keracunan dan ditemui mati di dalam bilik rumah sewanya kelmarin.

menunggu keputusan bedah siasat dan sehingga kini kes tersebut diklasifikasikan sebagai mati mengejut.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Terengganu, Dr. Mohamad Omar berkata, pihaknya kini sedang menunggu hasil

bedah siasat yang dijalankan ke atas doktor tersebut.

Beliau mengesahkan, mangsa tidak datang bekerja sejak beberapa hari lalu dan gagal dihubungi.

"Pagi tadi (semalam) kita dimaklumkan oleh pihak po-

lis mengenai penemuan mayat Muaz di rumahnya.

"Proses bedah siasat telah dibuat oleh pakar forensik, namun tiada unsur-unsur jenayah. Begitupun beberapa spesimen telah diambil untuk mengetahui sebab kematian," katanya.



MOHD. MUAZ